



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana, Bukit Beruang
75450 Melaka

Tel : 06-2323777
Faks : 06-2320500
Laman Web : <http://jpnmelaka.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNM. SPS.PSR.600-11/2/1 ()
Tarikh : Januari 2020

Presiden
Kelab Duta Rimba,
Kuarters Pendidikan Guru,
Blok C-4-3, Jalan Atinahappan,
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI
PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM 'INTERNATIONAL
LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020' UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH
TAJAJAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN RIMBA@JUNGGL
AMBASSADOR**

Dengan segala hormatnya merujuk surat tuan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Pendidikan Melaka memberi kebenaran kepada tuan untuk berurusan dengan pihak pentadbir di sekolah-sekolah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 7/1988, SPI. 24/1998, SPI Bil. 9/2004 dan Bil. 10/2011** dan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut: -

- 2.1 Mendapat kebenaran/ persetujuan daripada Pentadbir/Guru Besar sekolah;
- 2.2 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 2.3 Penyertaan warga sekolah dan murid-murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 2.4 Penganjur bertanggungjawab menyediakan perlindungan insuran dan menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 2.5 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 2.6 Murid-murid yang terlibat perlulah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada ibu bapa / penjaga;
- 2.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab untuk menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 2.8 Guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;

- 2.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, murid dan guru yang terlibat
- 2.10 Mengundang sekolah-sekolah/ murid-murid adalah urusan pihak penganjur;
- 2.11 Jabatan Pendidikan Negeri Melaka berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak tuan, gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa

3. Untuk makluman tuan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Melaka sedang berusaha untuk Melindungi Masa Instruksional (MMI), masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid, oleh yang demikian kami mencadangkan **supaya penglibatan murid dan guru diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.**

4. Kelulusan ini hanya untuk perkara yang dipohon sahaja iaitu dari **14 Julai 2020 hingga 17 Julai 2020.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA BERWIBAWA”
“PINTAR, HIJAU, BERSIH”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI KARIM BIN TUMIN)
Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pengurusan Sekolah,
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Melaka,
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

s/k – Fail Penyelaras

MKBISMA/PSR/SWASTA